

MIGRASI AGAMAWAN DAN IMPAKNYA TERHADAP ADAT DAN BUDAYA MASYARAKAT ISLAM DI SABAH

RELIGIOUS MIGRATION AND ITS IMPACT ON THE CUSTOMS AND CULTURE OF THE MUSLIM COMMUNITY IN SABAH

Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin¹

Syamsul Azizul Marinsah^{2*}

Saifulazry Mokhtar³

Azmin Pullong⁴

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. (E-mel: mnhidayath_h@ums.edu.my)

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. (E-mel: syamsulazizul@ums.edu.my)

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. (E-mel: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

⁴UiTM Cawangan Sabah, Kampus Tawau, Malaysia. (E-mel: azminpullong@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 20-6-2022

Revised date : 21-6-2022

Accepted date : 19-9-2022

Published date : 6-10-2022

To cite this document:

Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., & Pullong, A. (2022). Migrasi Agamawan Dan Impaknya Terhadap Adat Dan Budaya Masyarakat Islam Di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 350 - 363.

Abstrak: Kertas kerja ini membahaskan impak migrasi golongan agamawan terhadap perubahan adat dan budaya masyarakat Islam di Sabah. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan metode analisis kandungan dan temu bual. Data kualitatif ini dianalisis secara deskriptif dan disusun secara bertema. Hasil kajian mendapati migrasi agamawan telah membawa perubahan kepada adat dan budaya masyarakat Islam di Sabah. Bermula dengan penerimaan Islam sebagai pegangan agama, seterusnya proses dakwah dan pendidikan yang berterusan, telah mengurangkan pengamalan adat dan budaya berunsurkan animisme kepada cara hidup berlandaskan Islam. Kajian ini menunjukkan bahawa migrasi golongan agamawan berupaya memberikan impak signifikan di tempat yang didatangi mereka dan aspek ini wajar untuk diterokai lagi untuk kajian-kajian lanjutan.

Kata Kunci: Migrasi, agamawan, adat dan budaya, Islam, Sabah

Abstract: This paper discussed the impact of the migration of religious groups on the changes in customs and culture of the Muslim community in Sabah. This qualitative study was conducted using content analysis and interview methods. These qualitative data were analyzed descriptively and organized thematically. The results of the study found that the migration of religious people has brought changes to the customs and culture of the Muslim community in Sabah. Beginning with the acceptance of Islam as a religion, then the process of dakwah and continuous education, has reduced the practice of customs and culture based on animism to a way of life based on Islam. This study showed that the migration of religious groups is able to have a significant impact on the places they visited and this aspect should be explored further for further studies.

Keywords: Migration, religious, customs and culture, Islam, Sabah

Pengenalan

Perbahasan mengenai impak migrasi di Sabah telah menjadi satu isu yang tidak pernah putus. Sekiranya diteliti, perbahasan impak migrasi di Sabah lebih memfokuskan kepada impak migrasi ekonomi dan migrasi pelarian. Kedua-dua dimensi tersebut menjadi fokus kebanyakan para pengkaji kerana berlaku dalam skala yang besar. Hakikatnya, fenomena migrasi yang berlaku di Sabah tidak hanya meliputi dua dimensi tersebut sahaja. Terdapat juga dimensi-dimensi migrasi lain yang turut berlaku, antaranya adalah migrasi golongan agamawan. Migrasi agamawan tidak dinafikan telah memberikan impak yang besar terhadap perkembangan peradaban Islam di Sabah dalam pelbagai sudut. Bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan membahaskan impak migrasi golongan agamawan terhadap perubahan adat dan budaya masyarakat Islam di Sabah. Sebelum kemasukan pengaruh agama, adat dan budaya masyarakat Sabah adalah mengamalkan animisme. Mereka mempercayai kewujudan roh, semangat dan makhluk halus pada benda-benda sekeliling seperti pokok, matahari, padi, sungai, dan sebagainya. Mereka mempercayai bahawa semangat dan roh tersebut boleh mempengaruhi kehidupan mereka sama ada positif mahu pun negatif. Disebabkan itu, pelbagai bentuk amalan dan ritual yang dilakukan oleh mereka pada ketika itu bagi memperoleh kehidupan yang baik dan menghindarkan keburukan. Oleh itu, kemasukan pengaruh agama yang dibawa oleh golongan agamawan telah membawa satu transisi baharu dalam adat dan budaya masyarakat Sabah. Adat dan budaya lama mulai diselarikan dengan ajaran agama sama ada Islam, Kristian dan sebagainya. Perkara ini dapat dilihat apabila berapa adat dan budaya tidak lagi diamalkan seperti memburu dan memenggal kepala, menyeru semangat ghaib dan lain-lain lagi (Ismail 2004; Siti Aidah 2007). Walaupun sehingga kini masih terdapat adat dan budaya animisme berlaku, namun telah berkurangan amalannya berbanding dahulu. Ia jelas bertitik tolak daripada migrasi agamawan yang membawa masuk dakwah Islam sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan metode analisis kandungan dan temu bual. Analisis kandungan dilakukan terhadap sumber-sumber bertulis seperti artikel jurnal, buku, tesis dan seumpamanya. Ada pun temu bual berbentuk separa berstruktur digunakan kepada tokoh-tokoh yang terdiri daripada pelbagai latar belakang merangkumi migran pendakwah dan penyelidik berkaitan Islam di Sabah. Data kualitatif ini dianalisis secara deskriptif dan disusun secara bertema. Hasil kajian mendapati bahawa migrasi agamawan telah memberikan impak yang signifikan terhadap perkembangan peradaban Islam di Sabah. Impak tersebut dapat dilihat dalam pelbagai aspek sama ada politik, ekonomi, perundangan, pendidikan, dan termasuklah dalam hal ehwal adat dan budaya masyarakat di Sabah (Muhiddin 1990; Mohd Nur Hidayat Hasbollah 2018). Perubahan dan budaya masyarakat Sabah yang asalnya berasaskan kepada animisme mulai mengalami perubahan setelah menerima pengaruh agama seperti Islam. Bermula dengan penerimaan Islam sebagai pegangan agama, seterusnya melalui proses dakwah dan pendidikan Islam yang berterusan, telah mengurangkan pengamalan adat dan budaya berunsurkan animisme kepada cara hidup berlandaskan Islam. Seiring dengan peredaran masa, terdapat banyak adat dan budaya yang tidak selari dengan Islam mulai ditinggalkan. Sebaliknya adat-adat dan budaya yang tidak bertentangan terus dikekalkan kerana merupakan warisan dan identiti etnik-etnik tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa migrasi golongan agamawan berupaya memberikan impak signifikan di tempat yang didatangi mereka dan aspek ini wajar untuk diterokai lagi untuk kajian-kajian lanjutan.

Definisi Migrasi Agamawan

Secara umumnya migrasi merujuk tindakan atau perbuatan berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan dalam kalangan sarjana sukar untuk memberikan satu definisi yang tepat. Hal ini kerana para sarjana tidak sepakat dalam menentukan elemen-elemen spesifik dalam mendefinisikan migrasi secara koknrit. Menurut Clarke J.I (1965), migrasi sukar ditakrifkan kerana perlu kepada perincian berhubung dengan jarak, jenis sempadan, tempoh tinggal, tujuan perpindahan dan lain-lain lagi, yang mana setiap aspek tersebut juga perlu mempunyai kriteria tertentu dan munasabah. Dengan demikian, barulah ia dapat menjelaskan makna sebenar migrasi.

Goldsheider (1971) menyatakan dua elemen yang perlu diambil kira dalam pentakrifan migrasi. Pertama pertukaran tempat tinggal dan kedua memiliki niat serta bertujuan untuk menetap di tempat destinasi. Oleh itu, bagi beliau migrasi adalah satu perpindahan dari satu tempat ke tempat lain untuk tujuan menetap. Secara langsung, seseorang yang datang ke satu-satu tempat untuk tempoh sementara hanyalah merupakan persinggahan dan terkeluar daripada definisi tersebut.

Lee (1966) memberikan satu definisi yang lebih luas iaitu pertukaran tempat tinggal secara kekal atau separa kekal, tidak terikat dengan jarak tertentu, dilakukan secara sukarela ataupun tidak dan tidak ada perbezaan antara migrasi dalaman dengan migrasi luaran.

Week (1989) menjelaskan migrasi merupakan satu perpindahan dari satu tempat ke tempat lain dengan melepasi sempadan politik sama ada sempadan sesebuah negeri, negara mahupun antarabangsa. Sekiranya perpindahan masih di dalam sempadan politik yang sama, maka ia dikira sebagai orang yang berpindah.

Selain daripada itu, terdapat sarjana yang mengambil kira impak yang perlu ada kepada para penghijrah yang berpindah ke sesuatu tempat untuk dikira melakukan migrasi. Ini bermaksud sekiranya destinasi yang didatangi membentuk perubahan terhadap sistem sosial kepada golongan penghijrah maka ia merupakan migrasi. Ini adalah seperti definisi yang dibuat oleh Eisenstadt (1953). Beliau menjelaskan bahawa migrasi melibatkan proses perpindahan fizikal dari sebuah masyarakat kepada masyarakat yang lain. Perpindahan ini biasanya melibatkan pengabaian daripada satu sistem sosial masyarakat lama kepada sistem sosial baru dan berbeza.

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, para sarjana tidak mempunyai kesepakatan dalam memberikan definisi migrasi. Bagaimanapun, dapat dirangkumkan bahawa migrasi meliputi ciri perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain sama ada dengan melepasi sempadan politik (negeri, negara mahupun antarabangsa), secara kekal ataupun secara sementara. Selain itu, migrasi mengambil kira perubahan dari sudut sosio-budaya, yang mana golongan penghijrah cuba mengasimilasikan diri mereka dengan amalan dan budaya di destinasi baru. Antara perubahan yang akan dihadapi oleh kumpulan migran ialah seperti majikan yang baru, jiran, sahabat dan sebagainya. Selain itu juga dapat difahami bahawa migrasi boleh berlaku disebabkan pelbagai faktor sekali gus membawa kepada dimensi-dimensi migrasi yang pelbagai.

Istilah agamawan pula boleh didefinisikan secara umum dan juga khusus. Menurut Muhammad Razak (2016) secara khusus agamawan merujuk kepada *“mereka yang memiliki keahlian dalam bidang tertentu mengenai ilmu Islam yang amat luas. Mereka yang memiliki keahlian dalam pelbagai bidang ini dan memperoleh latihan asas dalam bidang pengajian Islam, sama ada*

secara formal atau tidak formal adalah tergolong sebagai agamawan". Sekiranya diteliti kepada definisi ini jelas ia merujuk kepada golongan ilmuan agama yang terdiri daripada ustaz, ustazah, pendakwah, pentadbir agama dan seumpamanya yang tertumpu dalam 'circle' orang-orang agama. Manakala agamawan secara umum menurut Muhammad Razak (2016) merujuk kepada "*semua lapisan masyarakat Islam yang memiliki kriteria antaranya, berfikirah Islam, memiliki dan menghayati akhlak dan keperibadian Islam, meyakini kesyumulan agama Islam sebagai sebuah sistem terbaik bagi urusan kehidupan serta mencintai agama dan berusaha dalam kadar keupayaannya untuk mengangkat kedudukan umat Islam pada peringkat negara dan antarabangsa*". Bagi definisi umum ini, dapat difahami bahawa ia lebih meluas dan terbuka kepada semua masyarakat Islam tanpa terikat kepada ciri-ciri-ciri khusus. Ia merangkumi peniaga, pelancong, pelarian, tokoh agama, orang awam dan lain-lain lagi. Apa yang ditekankan adalah seseorang itu mengamalkan dan menghayati cara hidup sebagai Muslim dan dapat memainkan peranan/memberi kesan dalam mengangkat kedudukan Islam. Hal ini wajar untuk difahami memandangkan Islam itu

Justeru, migrasi agamawan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah meliputi segenap lapisan masyarakat Muslim yang terlibat dengan aktiviti migrasi di Sabah yang memberikan impak sama ada secara langsung dan tidak langsung terhadap perkembangan Islam di Sabah.

Migrasi Agamawan di Sabah

Seperti mana di tempat-tempat lain, peribumi Sabah juga pada asalnya tidak mempunyai sebarang agama (pagan) dan ada yang mengamalkan kepercayaan animisme. Selain menjadi tumpuan kedatangan migran ekonomi, Sabah juga turut didatangi oleh kumpulan agamawan. Malah dalam kalangan migran ekonomi (seperti para pedagang) itu juga terdapat yang beragama Islam, secara tidak langsung mengambil peluang menyebarkan Islam. Kehadiran para pendakwah tersebut telah menjadikan Sabah menerima pengaruh agama Islam. Migrasi golongan agamawan ini dapat dilihat dalam beberapa peringkat iaitu sebelum penjajahan, semasa penjajahan dan selepas kemerdekaan.

Sehingga kini, ahli sejarah berbeza pendapat berkenaan kedatangan Islam ke Sabah. Kedatangan Islam ke Sabah telah dikesan berlaku pada tahun 1300-an. Nama Sharif Awliya Karim al-Mahkdum seorang migran Arab merupakan individu yang berperanan membawa Islam ke Sabah. Beliau jelas merupakan seorang pendakwah kerana beliau juga merupakan tokoh pendakwah Islam yang dikenali dalam sejarah Islam di Sulu, Filipina. Kedatangan beliau telah mengislamkan peribumi Sabah pertama bernama Abdullah dari etnik Idahan di Lahad Datu (Muhiddin 1990).

Pada period penjajahan SBBUB dan Jepun sekitar tahun 1881 sehingga 1946, terdapat beberapa nama tokoh-tokoh pendakwah migran yang berjasa dalam perkembangan dakwah Islam pada ketika itu. Peranan mereka sangat penting kerana pada ketika itu penjajah barat menumpukan kepada perkembangan agama Kristian. Para mubaligh antarabangsa telah di bawa masuk ke Sabah untuk menyebarkan Kristian. Dengan kedatangan mereka di samping bantuan dari pertubuhan Kristian antarabangsa seperti kemudahan kapal terbang, telah membantu penyebaran Kristian ke seluruh Sabah. Dengan adanya pendakwah Islam tersebut, penyebaran Islam terus berjalan walaupun tidak begitu rancak. Antara pendakwah tersebut adalah Ustaz Haji Zaini al-Palembangi, Imam Ahmad Mus Haji Ismail, Mandur Sharif, Tuanku Sayyid Muhammad bin Tuanku Sayyid Muhammad Shahbuddin dari Kedah, Haji Yaakub bin Haji Ali dari Kelantan, dan anaknya Tuan Haji Imam Suhaili bin Haji Yaakub, Habib Syeikh dan Habib

Umar dari Yaman, Haji Ghulam Hasan dan Muhammad Alam dari Pakistan dan Hasan Kubro dari Arab Saudi dan lain-lain lagi (Farid & Anwar 2003).

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan, usaha untuk menyebarkan dan mengembangkan Islam lebih giat dilakukan. Ini kerana pemimpin-pemimpin Islam sedar akan keperluan untuk membangunkan peradaban Islam di Sabah dalam segenap aspek. Badan-badan Kerajaan seperti Majlis Agama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Badan Bukan Kerajaan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) telah memainkan peranan bagi tujuan tersebut. Bagi tujuan tersebut, badan-badan tersebut telah mendapatkan khidmat agamawan Islam dalam kalangan penduduk tempatan dan luar. Agamawan luar diambil daripada Filipina, Indonesia dan Semenanjung Malaysia. Selain itu, terdapat juga sebilangan kecil daripada Arab Saudi dan Maghribi (Matin 2017). Mereka diperlukan dalam pelbagai aspek pembangunan Islam sama ada pendidikan, ekonomi, sosial, perundangan, seni dan sebagainya.

Pada tahun 1974 contohnya seramai 18 orang agamawan daripada Indonesia telah dijemput oleh Kerajaan Negeri, malah jemputan tersebut khusus dibuat oleh mantan Ketua Menteri Tun Datu Mustapha Datu Harun. Tun Mustapha menjemput agamawan tersebut untuk berkhidmat di Sabah. 18 individu tersebut adalah Ustaz Aliyudin Kamidi, Haji Abd Khalik Masidin, Dr. Adnan Idris, Dr. Munir Siregar, Ustaz Muhd Nawawi Muhammad, Ustaz Mansuruddin Batubara, Ustaz Mutalib Endra, Ustaz Yakub Lubis, Ustaz Moktar Zainudin, Ustaz Ahmad Darbi Lubis, Ustaz Syafie Raja Duyut, Ustaz Iyen Atim, Ustaz Jalidar Abdul Rahim, Ustaz Ghazali Sulaiman, Ustaz Ahmad Zaini, Ustaz Yahya Arshad, Ustaz Syarian Syah dan Ustaz Haji Muchlis Ali Kasim (Muchlish 2016).

Begitu juga pada tahun 1980, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Mohd Harris Salleh turut mendapatkan khidmat tujuh orang lagi agamawan Indonesia. Mereka adalah Ustaz Hamdani, Ustaz Haji Mohd Mursal Mukhtar, Ustaz Sofwan, Ustaz Burhanuddin Sham, Ustaz Abdul Mukti Saubari, Ustaz Abdul Salam Rahidi dan Ustaz Yazid Abas (Mohd Mursal 2016). Mereka merupakan agamawan yang telah ditaja oleh Pertubuhan Islam Antarabangsa Bukan Kerajaan Rabitah al-Islami (Nurasnie 2012).

Selain itu, terdapat juga pendakwah Filipina yang telah berkhidmat di Sabah atas jemputan Tun Datu Mustapha iaitu Ustaz Abu Hurairah Abd Rahman dan Ustaz Leonardo Villar atau nama Islamnya Abdullah Mehdi. Ustaz Abu Hurairah pernah berkhidmat sebagai Pegawai Dakwah bagi USIA (Matin 2017).

Daripada semenanjung Malaysia pula, dianggarkan 300 orang guru agama telah dibawa masuk oleh USIA untuk berkhidmat di sekolah-sekolah di Sabah (Awang Sahari 1994). Selain sekolah, terdapat juga antara mereka yang dipanggil untuk mengisi jawatan-jawatan dalam pelbagai institusi/badan/jabatan agama seperti Pejabat Mufti, Mahkamah Syariah dan lain-lain lagi.

Apabila membahaskan berkenaan faktor berlakunya migrasi dakwah di Sabah, sudah tentu sebab utamanya adalah tuntutan agama itu sendiri agar ia dapat disebarkan ke seluruh dunia. Para pendakwah melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyebarkan agama ke tempat-tempat yang belum dimasuki oleh agama sama ada Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain.

Dalam konteks Islam di Sabah, di awal kemasukannya juga adalah atas faktor tugas kewajiban menyampaikan dakwah seperti dilakukan oleh Syarif Awliya Karim al-Makhdum. Ketika era penjajahan, golongan agamawan terus datang ke Sabah bagi mengembangkan syiar Islam. Ketika kemerdekaan tercapai, para pemimpin sadar akan perlunya kedudukan Islam di Sabah diperkukuh dan diangkat ke kedudukan lebih tinggi. Untuk tujuan itu usaha dakwah perlu dilakukan bagi menjadikan Islam sebagai kumpulan majoriti. Usaha dakwah dan pengislaman telah dijalankan oleh para pemimpin dengan dibantu oleh agamawan tempatan dan luar. Rentetan daripada usaha dakwah yang meningkatkan komposisi orang-orang Islam daripada kumpulan minoriti kepada majoriti (termasuk komposisi Ahli Dewan Undangan Negeri Muslim yang telah mencapai 2/3), maka pada 23 September 1973 merupakan detik bersejarah apabila berlaku pindaan terhadap Perlembagaan Negeri Sabah Perkara 5(A) yang menyatakan: *“Islam adalah agama negeri, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni di mana-mana tempat dalam negeri”*. Dengan pindaan tersebut, Islam telah diiktiraf sebagai agama rasmi negeri. Ia merupakan satu kemuncak kepada perkembangan peradaban Islam Sabah.

Dengan pindaan tersebut telah memberikan satu tapak yang kukuh kepada perkembangan Islam. Pindaan tersebut memberikan impak yang signifikan apabila kepentingan dan entiti-entiti hal-ehwal Islam dapat ditubuh dan dilaksanakan (Emin 2009: 93). Dalam erti kata lain, pindaan tersebut membuka ruang dalam pentadbiran negeri sama ada untuk menubuhkan, menyenggara, membantu, mengeluarkan perbelanjaan dan mengembangkan segenap entiti/institusi yang bertujuan untuk menghidupkan agama Islam di Sabah. Entiti-entiti tersebut adalah seperti penubuhan majlis agama, jabatan agama, mahkamah dan undang-undang syariah, pengurusan masjid dan surau yang lebih sistematik, pengurusan dakwah, pembangunan pendidikan Islam dan sebagainya.

Disebabkan golongan agamawan dari kalangan orang tempatan pada ketika itu agak kurang, badan-badan Islam kerajaan seperti MUIS, JHEAINS dan institusi agama lain seperti mahkamah, masjid, sekolah dan lain-lain memerlukan kepada khidmat agamawan daripada luar. Dengan itu ia telah membuka peluang kepada golongan migran untuk berkhidmat di Sabah. Senario ini jelas menunjukkan peranan yang penting oleh migran agamawan terhadap perkembangan Islam di Sabah.

Selain itu tidak dinafikan terdapat juga migran yang datang pada asalnya atas faktor ekonomi atau sosial (melawat keluarga yang sedia ada) di Sabah. Namun mengambil peluang menjadi pendakwah apabila USIA dan MUIS yang kekurangan pendakwah (telah membuka peluang bagi mendapatkan khidmat pendakwah tambahan). Malah tidak dinafikan juga minat mereka yang mendalam dengan dakwah Islam menjadi faktor untuk mereka berkecimpung dengan usaha dakwah di Sabah.

Antara pendakwah persendirian tersebut adalah Ustaz Jamiatul Ikhwan, Ustaz Awaluddin Nasution dan Ustaz Masduki Umar. Pada mulanya Ustaz Jamiatul Ikhwan yang berbangsa Jawa datang ke Tawau adalah untuk melawat ahli keluarganya. USIA Tawau ketika itu telah mengiklankan keperluan kepada pendakwah. Peluang ini diambil oleh Ustaz Jamiatul untuk berkhidmat kepada USIA. Begitu juga Ustaz Awaluddin Nasution yang berbangsa Mandailing turut mengambil peluang menjadi pendakwah walaupun faktor kedatangannya adalah untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik dari negara asal. Ustaz Masduki Umar pula yang berbangsa Jawa datang ke Sabah adalah untuk menjadi pendakwah. Untuk itu beliau telah memohon bantuan rakannya iaitu Ustaz Suharto yang sedia aktif dalam USIA. Beliau telah

mencadangkan kepada USIA Kota Kinabalu untuk mengambil Ustaz Masduki Umar menjadi pendakwah USIA (Nurasnie 2012). Sehingga tahun 2017, ketiga-tiga pendakwah ini masih lagi berkhidmat kepada USIA dan telah pun menjadi warganegara Malaysia (Matin 2017).

Pada masa kini, masih lagi dapat dilihat khidmat migran agamawan di Sabah walaupun tidak dalam jumlah yang besar sama ada dalam badan kerajaan mahupun bukan kerajaan. Selain itu, Sabah terus dihadiri oleh para pendakwah bebas dari pelbagai negeri dan negara. Secara tidak langsung, jelas peranan mereka dalam usaha membantu kekurangan agamawan tempatan sekali gus menyumbang kepada perkembangan Islam di Sabah.

Migrasi Agamawan dan Impaknya Terhadap Adat dan Budaya Masyarakat Muslim Di Sabah

Sebelum kemasukan pengaruh agama, adat dan budaya masyarakat Sabah adalah mengamalkan animisme. Etnik-etnik yang dominan mengamalkan kepercayaan animisme ini adalah mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Etnik yang dominan tinggal di kawasan pedalaman adalah Dusun dan Murut beserta subetnik masing-masing. Etnik Dusun boleh didapati di Penampang, Tambunan, Ranau, Keningau, Kudat, Labuk, Sugut, Kota Marudu, Tempasuk dan sebagainya. Etnik Murut pula boleh didapati tinggal di Pensiangan, Nabawan, Tenom, Kemabong, Sook dan sebagainya.

Kawasan penempatan mereka majoritinya berbukit bukau, bergunung ganang, berhutan rimba dan jauh daripada pantai. Keadaan ini mempengaruhi mereka mempercayai kewujudan roh, semangat dan makhluk halus pada benda-benda sekeliling seperti pokok, matahari, padi, sungai, dan sebagainya. Mereka mempercayai bahawa semangat dan roh tersebut boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Asas kepercayaan animisme ini adalah wujudnya roh baik dan jahat. Mereka mempercayai semangat dan roh yang jahat boleh membawa nasib buruk, penyakit, kesulitan dan kemudaratan dalam kehidupan mereka. Mereka mempercayai adanya tuhan yang bernama Kinoringan/Kinoingan/Kinorohingan yang mempunyai kuasa ke atas bumi ini. Bagi mengelakkan hal buruk berlaku, pelbagai bentuk upacara telah mereka amalkan. Bagi menjalankan upacara-upacara tersebut, mereka memberikan peranan tersebut kepada individu yang mahir berkenaan adat dan budaya animisme. Individu tersebut yang merupakan bomoh atau dukun dikenali sebagai *Bobohizan/Bobolian*. *Bobohizan* merupakan individu yang dikatakan mempunyai kemahiran berkenaan perkara-perkara ghaib, mengetahui selok-belok adat dan budaya. Melalui perantaraan *Bobohizan*, ia boleh memohon kepada semangat dan roh yang baik bagi menangani segala perkara-perkara buruk, penyakit, kesulitan, bencana dan sebagainya daripada menimpa mereka (Mat Zin 2003).

Memburu dan memenggal kepala manusia juga merupakan adat dan amalan etnik Dusun dan Murut. Oleh sebab setiap etnik mempunyai adat dan budaya masing-masing, adalah sukar bagi mereka untuk mencapai titik pertemuan dan hidup secara rukun. Ini menyebabkan mereka sering berada dalam keadaan pergaduhan dan peperangan. Ini menjadi antara faktor etnik-etnik tersebut tinggal di dalam sebuah rumah panjang agar mudah menjaga keselamatan bersama (Ismail 2004). Mereka juga dianggap sebagai wira sekiranya dapat membawa balik kepala musuh-musuh mereka. Mereka akan mengadakan majlis penghormatan kepada yang berjaya memenggal kepala. Seterusnya kepala tersebut akan dipamerkan dan disimpan di suatu tempat khas dikenali sebagai Rumah Kepala seperti di Kampung Sensuron, Tambunan. Kepala tersebut mempunyai nilai tersendiri kerana tengkorak tersebut boleh dijadikan sebagai mas kahwin selain gong, kerbau dan sebagainya (Siti Aidah 2007).

Bagaimanapun seiring dengan peredaran masa dan zaman, apabila pengaruh agama Islam dan Kristian mulai masuk, berlaku perubahan terhadap etnik Dusun dan Murut beserta sub-etniknya dalam segenap aspek sama ada dari segi kepercayaan, cara hidup, adat dan budaya. Apabila masyarakat animisme ini telah menganut satu-satu agama sama ada Islam, Kristian dan lain-lain, mereka juga mempunyai adat tersendiri sebagai tanda selamat tinggal kepada kepercayaan animisme, meninggalkan tuhan dan roh yang mereka sembah sebelum itu. Ini dibuktikan apabila terdapat upacara dinamakan *Moginum* yang diiringi dengan tarian *Sumazau* dan permainan alat muzik tradisional. Upacara *Moginum* dilakukan atas tujuan pelbagai dan antaranya sebagai upacara terakhir sebelum menganut agama Kristian.

Pengislaman etnik Dusun dan Murut dan sub-etniknya sama ada melalui dakwah dan perkahwinan campur dengan etnik-etnik Islam seperti Bajau, Suluk, Melayu Brunei dan lain-lain telah menyebabkan identiti mereka berubah. Misalnya etnik Tembenua dan Buludupi yang merupakan sub-etnik Dusun yang mendiami Sungai Labuk, Sungai Sugut dan Sungai Kinabatangan telah mengubah identiti mereka sebagai Orang Sungai. Mereka yang tinggal hampir dengan etnik Suluk mendedahkan mereka mengenali Islam dan mengikuti cara hidup Islam. Malah tidak kurang juga terdapat antara mereka yang berkahwin dengan orang-orang Islam. Setelah memeluk Islam mereka meninggalkan cara hidup lama mereka yang majoritinya mengamalkan animisme. Begitu juga pengislaman dan perkahwinan campur antara etnik Murut dengan Bugis telah mewujudkan identiti etnik Tidong (Siti Aidah 2007). Etnik Tidong boleh didapati di kawasan pantai timur Sabah seperti di Kalabakan dan sekitar Pelabuhan Cowie dalam daerah Tawau dan Semporna yang bersempadan dengan Indonesia. Ini menjadikan mereka berbeza dari segi agama, adat dan budaya daripada etnik asal mereka. Secara langsung telah membentuk etnik dominan Islam.

Selanjutnya bagi etnik-etnik yang duduk di pesisir pantai, majoriti mereka adalah beragama Islam. Etnik-etnik tersebut adalah seperti Bajau, Sulu, Iranun, Melayu-Brunei, Bisaya, Kedayan, Idahan dan lain-lain lagi. Taburan etnik-etnik tersebut boleh didapati di Kota Belud (Bajau, Iranun), Papar (Melayu-Brunei), Lahad Datu (Sulu), Beaufort (Bisaya), Idahan (Lahad Datu, Tungku) dan sebagainya. Apabila dilihat kepada senarai etnik Islam tersebut, majoriti etnik Islam di Sabah merupakan etnik migran. Etnik-etnik dominan Islam tersebut dapat dibahagikan telah bermigrasi daripada beberapa buah negara. Pertama daripada Brunei etnik seperti Melayu, Kedayan dan Bisaya. Kedua daripada Filipina etnik Bajau, Sulu, Iranun dan Kegayan. Ketiga daripada Indonesia seperti etnik Jawa dan Bugis. Dari segi amalan, majoriti mereka telah mengamalkan praktis sebagai Muslim. Dapat dikatakan bahawa etnik-etnik inilah yang secara tidak langsung membantu mendedahkan etnik-etnik dominan bukan Islam kepada Islam. Sekali gus menyumbang kepada populasi Islam di Sabah. Mereka menyumbang kepada pengislaman etnik-etnik pedalaman melalui dakwah secara langsung, pergaulan dan perkahwinan campur.

Bagaimanapun, terdapat juga sebahagian kecil yang masih mencampur adukkan kepercayaan animisme dalam kehidupan mereka ini termasuklah juga etnik-etnik yang dikenali sebagai etnik asal Islam atau majoriti Islam. Umpamanya etnik Bisaya yang merupakan etnik majoriti Islam masih terdapat antara mereka yang mengamalkan kepercayaan animisme. Sebagai contoh, sebelum membuka sesebuah kawasan pertanian, mereka akan membaca jampi mantera bagi mengelakkan sebarang gangguan penunggu di samping mengharapkan pertanian mereka membuahkan hasil. Dari segi perubatan mereka juga mempunyai individu berperanan sebagai bomoh yang dikenali dengan nama *Bobolian*. *Bobolian* tersebut akan menyeru semangat ghaib melalui upacara yang dipanggil *Mipakan* atau *Barasik* (Siti Aidah 2007). Etnik Bajau pula yang

merupakan etnik Islam terbesar di Sabah juga mempunyai amalan dan kepercayaan tersendiri. Mereka mempercayai sesetengah penyakit, musibah dan kemalangan yang berlaku adalah disebabkan makhluk halus dan iblis. Bagi menangani keadaan tersebut dukun akan melakukan upacara penyembahan dengan menyediakan pelbagai bahan sembah seperti payung hitam, kemenyan, mayang pinang, telur, air dalam tempayan, “mahligai” yang diperbuat daripada buluh, perahu kecil dan sepiring emas. Bahan-bahan sembah boleh digunakan dengan pelbagai fungsi dan peranan bagi mengelakkan sebarang gangguan makhluk halus dan iblis.

Masyarakat Bajau dalam soal pengurusan jenazah seperti memandikan, mengkafankan, menyembahyangkan dan mengebumikan adalah selari dengan lunas-lunas Islam. Bagaimanapun, terdapat juga adat-adat tertentu yang masih diamalkan. Antaranya ahli keluarga arwah hendaklah lalu di bawah jenazah yang diangkat bertujuan agar waris yang masih hidup tidak merindui arwah. Selain itu, kucing juga dipastikan tidak melangkah mayat kerana dikhuatiri mayat akan bangkit semula (Radik 2014). Etnik Bajau juga mempunyai tarian yang dinamakan *Alai Nelus* dan *Alai Ajung*. Tarian tersebut dilakukan sebagai cara berkomunikasi dengan makhluk halus bagi tujuan menyembuhkan penyakit dan menolak bala. Etnik Kedayan pula mempunyai tarian *Anding* yang dilakukan atas tujuan yang sama. Tarian *Anding* diadakan bagi memohon daripada dewa dan mambang bagi menyembuhkan pesakit daripada sebarang penyakit dan kerasukan (Mat Zin 2003). Sehingga kini, kepercayaan terhadap semangat padi masih lagi berlaku. Ini jelas apabila pesta menuai masih lagi disambut oleh masyarakat Sabah terutamanya yang bukan Islam. Sebaliknya mereka yang beragama Islam, majoritinya kepercayaan ini telah ditinggalkan. Dari sudut adat perkahwinan, tidak jauh berbeza bagi mereka yang beragama Islam sungguhpun dari etnik yang berlainan. Mereka yang beragama Islam mengadakan pernikahan di masjid dan surau dan mengikut tatacara yang digariskan Islam. Mereka yang beragama Kristian pula biasanya mengadakan perkahwinan di gereja dan mengikut tatacara agama mereka.

Dalam usaha mengubah amalan animisme ini, tidak dinafikan wujud persaingan dakwah Islam dengan agama lain terutamanya daripada pihak Kristian. Pada era penjajahan SBBUB terutamanya, dasar pemerintah adalah mengembangkan agama Kristian (Anon 1981). Dengan sokongan pemerintah, telah memberikan kelebihan kepada aktiviti Kristianisasi. Mereka menubuhkan gereja-gereja dan sekolah-sekolah yang lebih formal dan mempunyai kemudahan yang moden serta percuma. Secara tidak langsung ia mudah menarik minat masyarakat animisme kepada Kristian. Badan-badan Kristian seperti Roman Catholic, Anglican, Persatuan Perkembangan Kitab Injil, Persatuan Mubaligh Gereja Australia, Gereja Persendirian Basel-Borneo, Seventh Day Adventist, St. Joseph’s Foreign Missionary Society of Mill Hill England dan Mission Evanglikal Borneo menjalankan usaha-usaha mubaligh dengan mudah dan lancar. Misi Kristianisasi merangkumi pelbagai aspek sama ada dari sudut pendidikan, pertanian, kesihatan, kebajikan dan lain-lain. Tidak dinafikan aktiviti Kristianisasi juga telah membawa perubahan kepada peribumi Sabah untuk tidak lagi mengamalkan adat dan budaya lama. Antaranya dapat dilihat pengaruh Kristian berjaya mempengaruhi kaum Murut untuk tidak lagi mengamalkan budaya memenggal kepala (Zaini et. al 2010).

Ketika Sabah merdeka, antara bentuk persetujuan untuk Sabah menyertai gabungan Malaysia juga turut mengikut adat budaya animisme. Hal ini kerana masyarakat Sabah pada ketika itu majoritinya terdiri daripada orang-orang Kristian dan animisme. Malah tampuk pemerintahan Sabah pada ketika itu juga turut disandang oleh bukan Islam. Sebagai tanda persetujuan Sabah menyertai pembentukan Malaysia, sebuah Batu Sumpah Peringatan yang dikendalikan oleh *Bobohizan* telah dilaksanakan di Keningau. Batu tersebut mencatatkan tiga perkara yang perlu

dikekalkan selepas pembentukan Malaysia iaitu pegangan agama adalah bebas di Sabah, tanah-tanah di Sabah dikuasai oleh Kerajaan Sabah dan adat istiadat rakyat Sabah dihormati dan dipelihara oleh kerajaan. Mereka mempercayai sesiapa yang melanggar sumpah tersebut akan menyebabkan berlakunya bencana. Batu Sumpah Peringatan ini amat bermakna dan dihormati oleh semua penduduk pedalaman. Batu Sumpah Peringatan tersebut dirasmikan oleh mendiang Tan Sri V. Manickasavagam yang pada ketika itu merupakan Menteri Buruh Persekutuan. Batu Sumpah Peringatan tersebut telah diletakkan di hadapan Bangunan Urus setia Daerah Keningau pada 31 Ogos 1964 (Siti Suriyani 2001).

Selepas Islam menjadi majoriti dan agama rasmi negeri pada tahun 1973, badan-badan Islam mulai ditubuhkan. Sehingga kini, USIA, MUIS dan JHEAINS merupakan antara badan yang bertungkus-lumus untuk terus menyampaikan dakwah dan pendidikan kepada yang bukan Islam termasuk yang sedia Islam di Sabah. Ini kerana perlu menangkis adat dan budaya yang bercampur aduk antara animisme dengan Islam, khurafat, rekaan dan lain-lain yang masih ada dalam sebahagian masyarakat Islam di Sabah. Bagi tujuan tersebut banyak aktiviti dan program yang telah diusahakan oleh badan-badan tersebut. Dengan usaha dakwah yang formal dan tersusun, secara tidak langsung membantu menangkis amalan-amalan lama yang hanya disampaikan secara tradisional. Dengan demikian, mereka bukan sahaja telah terpisah dengan 'pendidikan tidak formal' tersebut malah dapat membezakan di antara yang benar dengan yang salah sebagai seorang Islam. Pendidikan Islam disampaikan secara asas yang mudah difahami seperti membaca Muqaddam, membaca Jawi, berzanji, menunaikan solat, membayar zakat fitrah dan sebagainya. Sebagai usaha yang berterusan, program-program kefahaman agama terus dipelbagaikan seperti bengkel, kursus, ceramah, forum, radio dan melalui internet.

Usaha ini jelas keperluannya seperti mana dijelaskan oleh Ustaz Muchlis Sitanggang Ali Kassim (2016) apabila beliau dan rakan-rakan yang dijemput untuk berdakwah di Sabah melalui MUIS telah dinasihatkan oleh Tun Datu Mustapha agar tidak bersikap keras dalam membetulkan amalan masyarakat Islam Sabah yang masih bercanggah dengan Islam. Menurut beliau ketika di awal dakwah di Sabah pada tahun 1970-an, beliau melihat orang-orang Islam akan meminum arak setelah melakukan tahlil dan doa selamat. Malah individu yang meminum arak itu juga sebenarnya seorang guru agama. Begitu juga orang yang berpindah rumah, setelah selesai melakukan majlis doa selamat, akan dihidangkan arak sebagai jamuan. Arak pada ketika itu juga menjadi salah satu hidangan sewaktu menyambut hari raya. Dari segi berpakaian, ustazah-ustazah pada tahun 1970-an tidak mengenakan tudung dengan sempurna. Mereka hanya mengenakan selendang di bahu dan menutup sebahagian kepala sahaja. Bagaimanapun pada tahun 1980-an perkara ini mulai berubah apabila mereka mulai memakai tudung dengan sempurna. Ustaz Haji Muchlish Sitanggang Ali Kassim juga berkongsi berkenaan adat membakar kemenyan ketika membaca tahlil dan doa. Dalam menyedarkan masyarakat untuk mengelakkan amalan ini terus dilakukan beliau menggunakan sedikit provokasi iaitu dengan cara membuat mereka bertanya. Beliau tanpa berkata apa-apa terus membakar seketul kemenyan. Ini berbeza dengan kebiasaannya membakar kemenyan sedikit demi sedikit. Beliau juga membakar kemenyan tersebut tanpa membuat sebarang bacaan. Perbuatan beliau menyebabkan orang sekeliling bertanya mengapa cara yang beliau lakukan tidak sama dengan kebiasaan. Apabila beliau ditanya, beliau mengambil peluang tersebut untuk menyedarkan orang-orang tersebut. Beliau menjelaskan bahawa perbuatan tersebut tidak memberi kesan apa-apa. Beliau menerangkan bahawa kemenyan tersebut merupakan amalan orang-orang Hindu dan asap pula merupakan makanan jin. Sejak daripada itu, mereka tidak lagi mengamalkan pembakaran kemenyan ketika membuat tahlil dan doa selamat.

Selain daripada itu, Ustaz Haji Muchlish Sitanggang Ali Kassim yang merupakan pengamal perubatan Islam juga mendapati masih terdapat amalan syirik di kalangan orang-orang Sabah. Ini berikutan penemuan mereka terhadap tangkal dan azimat yang dipakai oleh pesakit yang menerima rawatan. Pelbagai jenis tangkal dan azimat telah diambil dalam sesi rawatan tersebut. Secara tidak langsung usaha beliau dan rakan-rakan telah meyakinkan para pesakit untuk tidak menggunakan lagi azimat dan tangkal. Menurut beliau pusat perubatan yang bermula pada tahun 2012 sehingga 2016 terdapat seramai 25,000 pesakit telah datang meminta rawatan. Beliau dan persatuan bukan sahaja telah pergi ke seluruh Sabah untuk merawat pesakit, tetapi turut membetulkan perawat-perawat yang menggunakan cara dan doa yang bertentangan dengan ajaran Islam. Hasilnya terdapat perawat-perawat tersebut yang mulai belajar dengan persatuan untuk membetulkan cara dan kaedah rawatan agar selari dengan Islam. (Muchlish 2016)

Menurut Imam Haji Azlan Ahmad juga (2017), amalan membakar kemenyan ini juga turut berlaku di kampungnya itu Kg Tebobon Menggatal yang majoritinya beretnik Bajau dan beragama Islam. Bagaimanapun dengan usaha dakwah dan pendidikan perkara tersebut dapat dikurangkan. Selain itu, selari peredaran masa, amalan-amalan tersebut juga semakin berkurangan diamalkan apabila golongan generasi lama yang kuat berpegang dengan amalan tersebut telah meninggal dunia.

Sekiranya dilihat berkenaan usaha-usaha untuk menangkis adat yang bertentangan dengan Islam, usaha tersebut lebih mudah dilakukan dan menampakkan kesan, apabila sesebuah kampung itu mempunyai imam-imam berkeelayakan yang dilantik oleh jabatan agama. Secara tidak langsung masjid di kampung tersebut bukan sahaja dipantau malah aktif dengan program-program agama seliaan jabatan agama. Para penceramah pula terdiri daripada pegawai-pegawai JHEAINS dan pendakwah bebas yang mendapat tauliah daripada pejabat mufti.

Ini berbeza dengan tempat-tempat yang tidak berada di bawah kelolaan jabatan agama. Umpamanya di penempatan migran pelarian seperti Skim Penempatan Kinarut. Majoriti penduduk di skim penempatan merupakan orang-orang Islam. Seperti mana orang Islam lain mereka juga menjalankan kewajipan sebagai orang Islam. Namun disebabkan status mereka, skim-skim penempatan di seluruh Sabah tidak terletak di bawah pemantauan pihak jabatan agama. Sungguhpun terdapat masjid dan surau, namun aktiviti dan programnya dikendalikan sendiri oleh penduduk skim tersebut. Oleh sebab majoriti penduduk tidak mempunyai pendidikan Islam yang baik, terdapat adat-adat dan budaya bertentangan dengan Islam masih lagi berlaku. Menurut Ketua Kampung Skim Penempatan Kinarut Encik Abdul Rahman Ali Basa (2017), pada setiap tahun baru, terdapat sebahagian penduduk dianggarkan 200-300 orang akan pergi ke laut untuk melakukan 'makan-makan' dan mandi manda yang dipercayai untuk buang sial. Selain itu apabila tiba bulan Ramadan, terdapat suatu amalan yang dianggap sebagai 'mandi puasa' sebagai amalan menyambut bulan puasa. Penduduk kampung akan bertemu dengan imam-imam untuk dimandikan secara beramai-ramai yang menghimpunkan lelaki dan perempuan. Dalam adat kematian pula, terdapat antara mereka ketika mengadakan kenduri tahlil, menyeru roh si mati untuk menyertai jamuan kenduri yang dibuat.

Jamdin Buyong (2017) juga tidak menafikan sehingga kini masih lagi terdapat beberapa amalan dan budaya yang bertentangan dengan Islam masih diamalkan sehingga kini. Bagaimanapun, ia semakin berkurangan berbanding pada zaman beliau dahulu. Amalan-amalan orang Islam telah bercampur aduk dengan amalan animisme, Buddha dan Hindu. Contohnya di Putatan, terdapat kawasan yang pernah dianggap sebagai kawasan keramat oleh masyarakat setempat.

Tempat tersebut menjadi tempat masyarakat untuk berdoa memohon sebarang hajat seperti disembuhkan daripada penyakit. Terdapat juga yang menaburkan duit untuk mendapat kemenangan dalam lumba kuda. Kehadiran para pendakwah dan pemantauan badan-badan agama telah menangkis amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam. Sewaktu beliau menjadi Pengarah JHEAINS, beliau pernah mengarahkan pihak pejabat Mufti untuk membanteras amalan syirik yang berlaku di pantai Tanjung Lipat, Likas Kota Kinabalu. Mereka dapati terdapat ritual pemujaan berlaku di sana. Terdapat batu yang dipasang bendera merah kuning, dan ditaburkan beras kunyit dan disediakan lauk seperti ayam.

Berdasarkan kepada huraian di atas, perubahan adat dan budaya masyarakat Sabah daripada amalan animisme kepada syariat Islam berlaku seiring dengan kemasukan dakwah Islam dan migrasi etnik-etnik Islam. Selain daripada proses dakwah secara langsung, perubahan ini juga adalah hasil daripada proses asimilasi sama ada melalui perkahwinan dan pergaulan antara etnik bukan Islam dengan etnik dominan Islam. Perkara ini dapat dilihat apabila etnik Dusun dan Murut yang berkahwin dengan etnik Sulu dan Bugis telah membentuk satu identiti baru seperti etnik Sungai dan Tidong. Mereka telah membentuk satu identiti yang berbeza dengan etnik asal mereka sama ada dari segi agama, kepercayaan dan budaya. Hasilnya etnik Sungai dan Tidong telah dikenali sebagai etnik dominan Islam.

Apabila Islam menjadi agama rasmi, penubuhan badan-badan agama seperti USIA, MUIS dan JHEAINS, sedikit sebanyak telah membuka minda dan memberikan kesedaran kepada masyarakat Sabah tentang pentingnya sesuatu adat dan kepercayaan yang diamalkan itu diselidiki dan diamati menurut lunas-lunas Islam. Terdapat banyak program telah dijalankan bagi usaha tersebut. Hasilnya masyarakat sedikit sebanyak telah menunjukkan perubahan apabila sesetengah amalan yang bertentangan dengan Islam tidak lagi dilakukan. Sebaliknya adat-adat dan budaya yang tidak bertentangan terus dikekalkan kerana merupakan warisan dan identiti etnik-etnik tersebut (Radik 2014).

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, migrasi agamawan ke Sabah yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat Muslim telah memberikan impak yang signifikan terhadap perkembangan Islam di Sabah. Bermula daripada kemasukan awal dakwah Islam sehinggalah Islam tersebar telah memberikan impak yang besar kepada perkembangan Islam keseluruhannya. Impak tersebut dapat dilihat dalam pelbagai aspek sama ada dakwah, komposisi Muslim, politik, ekonomi, pendidikan termasuklah adat dan budaya masyarakat tempatan. Adat dan budaya masyarakat yang pada awalnya berasaskan kepada kepercayaan animisme, telah berubah secara beransur-ansur kepada cara hidup berteraskan syariat Islam.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2109)

Rujukan

- Abdul Rahman Ali Basa. (2017). *Perkembangan hal ehwal Islam migran keamanan Filipina*. Temu bual, 23 Mei.
- Anon. (1981). Buku Sumbangan Bagi Pameran Hasil Sumbangan Islam Hingga Abad ke 15 Hijrah pada 21 November hingga 5 Disember 1981 di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu. Anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Majlis Agama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Pelajaran, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dan Muzium Negeri Sabah.
- Awang Sahari Abdul Latif. (1994). Peranan USIA dalam membina kepentingan agama Islam di Sabah. 25 Disember. Dewan Datuk Salleh Sulung Papar. Fail Keratan Artikel Muzium Tamadun Islam Sabah/F23/Jild.
- Azlan Ahmad. (2017). *Perkembangan Islam dalam kalangan masyarakat Islam*. Temu bual, 19 Mei.
- Clarke J.I. (1965). *Population geography*. Oxford: Pergamon Press.
- Emin Madi. (2009). *Sinar perjuangan USIA*. Kota Kinabalu: Pertubuhan Islam Seluruh Sabah.
- Farid Mat Zain & Anwar Fakhri Omar. (2003). Pengenalan sejarah kedatangan Islam ke Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm. 179-184. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goldschieder, Calvin. (1971). *Population, modernization and social structure*. Boston: Little Brown.
- Idris, M.R. (2016). Agamawan pemangkin majukan negara. *Bharian*, 31 Julai. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/07/178595/agamawan-pemangkin-majukan-negara> [Diakses pada 5 September 2021].
- Ismail Yusoff. (2004). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamdin Buyong. (2017). *Migrasi dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah*. Temu bual, 7 Mei.
- Lee, Everett. S. (1966). A theory of migration. *Demography* 3 (1): 47-57.
- Mat Zin Mat Kib. (2003). *Kristian di Sabah 1881- 1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Matin Pandin. (2017). *Migrasi dan impaknya terhadap perkembangan Islam Sabah*. Temu bual, 14 Julai.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2018). *Migrasi dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah*. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar, Nor Afiqah Athirah Hajimin. (2020). Tun Mustapha dan Pengukuhan Islam di Sabah: 1963 – 1973 (Tun Mustapha and the Strengthening of Islam in Sabah: 1963 - 1973). *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities (AKADEMIKA)* 90(1): 181-191.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2021). Penghijrahan Etnik: Diaspora Multi-Etnik Islam di Sabah (Ethnic Migration: The Multi-Ethnic Muslim Diaspora in Sabah). *Global Journal Al-Thaqafah* 11(1).
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam Dalam Kitab Al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (23), 140-156.
- Muchlish Sitanggang Ali Kassim. (2016). *Migran agamawan Indonesia di Sabah*. Temu bual, 21 Februari.
- Muhiddin Yusin. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nurasnie Amiruddin. (2012). *Pendakwah Indonesia di Sabah 1967-1985*. Tesis Sarjana Sekolah Sains Sosial Program Sejarah, Universiti Malaysia Sabah.
- Radik Taim. (2014). Adat resam dan pantang larang suku Bajau Sama. Dlm. *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.N. Eisenstadt. (1953). Analysis of pattern of immigration and absorption of immigrants. *Journal of Population Studies* 7(2): 167-180.
- Siti Aidah Hj. Lokin. (2007). *Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2001). *Islam di Keningau: sejarah dan kesannya terhadap budaya perkahwinan masyarakat bumiputera Kadazandusun*. Tesis Sarjana Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Weeks, J.R. (1989). *Population: an introduction to concepts and issues*. California: Words Worth Publishing.
- Zaini Othman, Kntayya Mariappan & Ismail Ali. (2010). *Nasionalisme, etnisiti dan komuniti sempadan negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.